

TARIKH	KHAMIS, 2 FEBRUARI 2023
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	WILAYAH PERSEKUTUAN BAKAL JADI BANDAR PINTAR 2030
M/S	4
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	

Wilayah Persekutuan bakal jadi Bandar Pintar 2030

KUALA LUMPUR – Kerajaan menyasarkan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar pintar menjelang 2030.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hasrat itu selari dengan konsep Malaysia Madani yang turut memberi penekanan kepada aspek kemampanan dengan konsep kota hijau dan kota pintar.

"Jabatan Wilayah Persekutuan turut merangka agenda pembangunan untuk masa depan secara mampan, berdaya huni dan pintar.

"Antara program lain yang telah disusun ialah penggunaan bas elektrik Kuala Lumpur,

Wangsa Maju sebagai bandar perintis rendah karbon, penambahan pemasangan kamera litar tertutup di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta pemasangan Wi-Fi di projek perumahan rakyat dan perumahan awam di Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Sembah Ucapan Menjunjung Kasih sempena Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2023 di Istana Negara semalam.

Anwar berkata, berdasarkan pencapaian kemampanan bandar Wilayah Persekutuan

yang diukur melalui Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia, ketiga-tiga Wilayah Persekutuan mencapai tahap mampan dengan cemerlang pada 2022.

Selain itu, beliau berkata usaha tebatan banjir akan diteruskan.

"Semua agensi akan terus bergerak untuk mentadbir dan mengurus kemajuan Wilayah Persekutuan.

"Patik bertekad memastikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan ditadbir dan diterajui dengan sebaiknya agar rakyat jelata mendapat manfaatnya," katanya.



KUALA LUMPUR akan berubah wajah menjadi bandar pintar pada 2030 selari dengan konsep Malaysia Madani.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM